



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA (LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT SULIT 60.1 Pt 1 / (33)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

// September 2026
Rabiulawal 1448H

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk Seri LSr / Datuk LSr / Dato' LSr / Tuan LSr / Puan LSr,

TAWARAN MENGIKUTI KURSUS LEMBAGA JURUUKUR TANAH MALAYSIA BAGI TAHUN 2026 / 2027

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengendalikan Peperiksaan Bahagian I – Menghadiri kursus, Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 untuk orang berartikel yang masih dalam tempoh berartikel.

3. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di borang *Google form* <https://forms.gle/ULZbRSyFHxoe6YpZ9> mulai **14 September 2026** dan dihantar sebelum tarikh tutup permohonan pada **21 September 2026**, jam 5.00 petang. Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan dipertimbangkan manakala permohonan yang lewat dan tidak teratur akan ditolak.

4. Calon yang berjaya akan dikenakan yuran kursus dan fi peperiksaan seperti berikut dan semua bayaran hendaklah dijelaskan sebelum kursus bermula.

Bil	Kursus	Kos Kursus (RM)	Fi Peperiksaan (RM)
1.	Pengukuran Geodetik	1500.00	400.00
2.	Pengukuran dan Pemetaan Hidrografi	3000.00	400.00
3.	Pengukuran dan Pemetaan Ukur Kerja-kerja Kejuruteraan	1500.00	400.00

4.	Pengukuran dan Pemetaan Topografi	1500.00	400.00
5.	Pengukuran dan Pemetaan untuk Sistem Makluman Geografi (GIS)	1500.00	400.00
6.	Pengukuran dan Pemetaan Hakmilik	1500.00	400.00
7.	Pengukuran dan Pemetaan Bawah Tanah	1500.00	400.00

5. Semua Juruukur Tanah Berlesen boleh memaklumkan kepada orang berartikel masing-masing bagi penawaran kursus ini. Surat tawaran akan dikeluarkan kepada calon-calon yang berjaya, manakala calon yang tidak dihubungi selepas dua (2) minggu daripada tarikh tutup tawaran kursus dianggap tidak berjaya dan surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh pihak LJTM.

6. Sebarang kos bagi menghadiri kursus-kursus ini adalah di bawah tanggungan sendiri.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)

Setiausaha Lembaga
Lembaga Juruukur Tanah
Malaysia



Pautan Pendaftaran Kursus Lembaga Juruukur Tanah Malaysia bagi Tahun 2026 / 2027